

24/02/2001

1st Silicon tarik minat pelanggan Amerika Syarikat

1ST SILICON (M) Sdn Bhd, pengeluar fabrikasi wafer komersial atau fondri wafer 200mm pertama di Malaysia, berjaya menarik minat beberapa syarikat di Amerika Syarikat untuk membeli produk wafernya.

Ketua Eksekutif, Claudio G Loddo, berkata antara pelanggannya setakat ini ialah Jamar, sebuah syarikat yang terbabit dalam reka bentuk rumah serta ESS, peneraju dunia dalam pembuatan cip vDVD dan VCD.

Menurutnya, terdapat beberapa lagi syarikat berpangkalan di Amerika yang membeli produk 1st Silicon, tetapi mereka tidak mahu nama syarikat mereka didedahkan, kerana ia mungkin mengecewakan rangkaian sumber lain yang turut berurusan dengan syarikat berkenaan.

Selain pelanggan dari Amerika katanya, pelanggan pertama 1st Silicon yang juga rakan teknologinya ialah SHARP Corporation dari Jepun.

Beliau memberitahu demikian pada sesi minum pagi bersama media sempena perasmian kilang fabrikasi wafernya berharga AS\$1.7 bilion (RM6.46 bilion) di Zon Perindustrian Sama Jaya, di Kuching, oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Pada sesi itu juga, pihak media diberikan taklimat mengenai industri berkenaan oleh seorang pakar analisis industri semikonduktor, Bob Merrit.

Menurut Loddo, syarikatnya yang ditubuhkan pada Januari 1998, mempunyai Ibu pejabat di Kuching, selain pejabatnya di San Jose, California, Amerika.

Kilang wafer berkenaan mula beroperasi pada suku tahun ketiga tahun lalu dan memulakan pengeluaran baru-baru ini.

Ditanya mengenai perkembangan sektor teknologi yang agak perlahan pada masa sekarang, Loddo mengakui ia memberi kesan kepada semua, termasuk 1st Silicon, yang turut mengalami sedikit kesan daripadanya.

Berhubung cadangan bagi penyenaaran syarikat itu di Nasdaq sebelum penghujung tahun ini, Loddo mengesahkan memang ada perancangan sedemikian, tetapi belum ada tarikh ditetapkan bagi tujuan itu.

(END)